


No. Dokumen : GPK (A) : 1/2013



# Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban

Jabatan Perkhidmatan Veterinar,  
Kementerian Pertanian Dan Insurans Alam Tani  
Wisma Tani, Blok Padang,  
Lot 451, Precinct 4,  
Pusat Perkhidmatan Kerajaan Persekutuan,  
62500 Putrajaya,  
Malaysia  
Tel : 03-8970 2000  
Faks : 03-8980 0940



# Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban

Tahun 2013



# Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban

No. Dokumen : GPK (A) : 1/2013

Seksyen Pengurusan & Pembangunan Abatoir,  
Bahagian Pembangunan Industri Hiliran,  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar,  
Wisma Tani, Blok Podium,  
Lot 4G1, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62630 Putrajaya  
Malaysia  
Tel : 03-8870 2000  
Faks : 03-8888 6949

Cetakan Kedua 2013

Penerbitan © JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

ISBN : 978-967-0176-08-6

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630 Putrajaya Malaysia

Konsep, rekabentuk dan percetakan oleh :

HNN Media Enterprise (00132230-K)

No 9-6 Subang Business Centre 47620,

Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan

Tel / Fax : +603 8011 7947

E-mel : hnnmedia2001@yahoo.com.my

# KANDUNGAN

|  |              |
|--|--------------|
| <i>PERUTUSAN MENTERI</i>                               | <i>iv</i>    |
| <i>PRAKATA</i>   | <i>v</i>     |
| <b>1.0 PENGENALAN</b>                                  | <b>1</b>     |
| <b>2.0 OBJEKTIF</b>                                    | <b>1</b>     |
| <b>3.0 UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN</b>                 | <b>1-3</b>   |
| 3.1 Pemindahan ternakan dan kawalan penyakit           |              |
| 3.2 Kebersihan   |              |
| 3.3 Penguatkuasaan undang-undang                       |              |
| <b>4.0 KEBAJIKAN HAIWAN</b>                            | <b>3-4</b>   |
| 4.1 Teknik-teknik mengikat dan merebah ternakan korban |              |
| 4.2 Penyembelihan korban                               |              |
| <b>5.0 PENYEMBELIHAN TERNAKAN KORBAN</b>               | <b>4-6</b>   |
| 5.1 Tempat simpanan ternakan korban                    |              |
| 5.2 Tapak penyembelihan ternakan korban                |              |
| 5.3 Operasi penyembelihan ternakan korban              |              |
| 5.4 Tempat melapah                                     |              |
| <b>6.0 PENGURUSAN SISA TERNAKAN KORBAN</b>             | <b>6</b>     |
| 6.1 Sisa pepejal                                       |              |
| 6.2 Sisa cecair  |              |
| <b>7.0 KESEDARAN AWAM</b>                              | <b>7</b>     |
| 7.1 Orang awam   |              |
| <b>8.0 PEMANTAUAN OPERASI PENYEMBELIHAN KORBAN</b>     | <b>7-8</b>   |
| 8.1 Pihak Berkuasa Veterinar                           |              |
| 8.2 Pihak Berkuasa Agama                               |              |
| 8.3 Pihak Berkuasa Tempatan                            |              |
| <b>9.0 RUJUKAN</b>                                     | <b>8</b>     |
| <b>JAWATANKUASA GARIS PANDUAN TERNAKAN KORBAN</b>      | <b>9-10</b>  |
| <b>LAMPIRAN</b>  | <b>11-13</b> |

## PERUTUSAN MENTERI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam Satu Malaysia,

Alhamdulillah dengan dengan limpah kurnia-Nya Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban telah berjaya diedarkan sebagai garis panduan asas dan kesedaran kepada masyarakat.

Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban ini diterbitkan dengan tujuan memberi panduan tentang pengendalian ternakan dan penyembelihan ternakan korban. Ianya merangkumi undang-undang dan peraturan mengenai pemantauan ternakan korban, premis penyembelihan, operasi penyembelihan, aspek kebajikan haiwan dan pengurusan sisa ternakan.

Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar di atas daya usaha menyediakan kandungan buku ini. Tidak lupa juga kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Kerajaan Tempatan dan wakil pembekal ternakan di atas kerjasama yang diberikan. Akhirnya dengan izin Allah S.W.T, garis panduan ini tersedia untuk dimanfaatkan oleh masyarakat keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob**  
**Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani**

## **PRAKATA**

Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban ini disediakan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai berhubung dengan kepentingan penyembelihan ternakan korban pada Hari Raya Aidil Adha (10 Zulhijjah) dan Hari-hari Tasyrik (11,12 dan 13 Zulhijjah) dilakukan di rumah sembelih yang diluluskan dan berlesen termasuk premis atau lokasi sementara seperti yang diluluskan oleh Jabatan.

Garis panduan ini mengandungi panduan asas bagi membantu Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Agensi-agensi Kerajaan, pembekal ternakan korban, ahli jawatankuasa Masjid/surau dan orang awam bekerjasama membuat perancangan serta pembangunan infrastruktur dan kemudahan bagi penyembelihan ternakan korban di Rumah-rumah Sembelih Jabatan, masjid, surau, balai raya, padang awam, taman perumahan dan rumah persendirian. Ini bagi memastikan amalan korban/akikah dapat dilaksanakan dengan baik dimana ternakan untuk tujuan korban mesti disahkan sihat, teknik mengikat dan merebah ternakan dilakukan dengan menitikberatkan kebajikan haiwan, penyembelihan dilakukan mengikut syariat Islam serta proses melapah dan memotong daging dijalankan dengan menggunakan peralatan yang sesuai dan bersih bagi menjamin keselamatan makanan.

Akhir kata, adalah menjadi harapan semoga garis panduan ini dapat menjadi sumber rujukan kepada semua dalam usaha penyelarasan aktiviti penyembelihan ternakan korban yang lebih teratur, bersih dengan mengambil kira kebajikan haiwan dan keselamatan makanan dan mesra alam.

**Datuk Dr. Abdul Aziz bin Jamaluddin**  
**Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia 2013**

## 1.0 PENGENALAN

Ibadah korban adalah ibadah sunat yang dituntut oleh agama Islam. Ianya dilakukan dengan menyembelih ternakan korban pada Hari Raya Aidil Adha (10 Zulhijjah) dan Hari-hari Tasyrik (11,12 dan 13 Zulhijjah). Pada lazimnya, di Malaysia penyembelihan ternakan korban ini dilakukan di masjid, surau, padang awam, balai raya dan rumah persendirian.

Justeru, satu langkah penyelarasan aktiviti penyembelihan ternakan korban perlu dilaksanakan dengan kerjasama agensi kerajaan, pembekal ternakan dan juga orang awam yang terlibat secara langsung atau tidak langsung supaya aktiviti penyembelihan korban dapat dijalankan dengan lebih teratur, bersih dan mengambil kira kebajikan haiwan dan keselamatan makanan.

## 2.0 OBJEKTIF

Objektif garis panduan ini adalah untuk memberi kesedaran umat Islam untuk melakukan ibadah korban dengan melakukan penyembelihan ternakan korban mereka di rumah-rumah sembelih yang diluluskan dan berlesen.

Sekiranya, penyembelihan ternakan korban dilakukan di masjid, surau, padang awam, balai raya dan rumah persendirian, garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan tentang pengendalian dan penyembelihan ternakan korban.

## 3.0 UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

### 3.1 Pemindahan ternakan dan kawalan penyakit

- 3.1.1 Pembekal dan pihak pengurusan ternakan korban perlu mendapatkan Sijil Kesihatan Veterinar dan Akuan Kebenaran Pindah dari Pusat Veterinar Kecil, Pejabat Veterinar Daerah dan Ibu pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri yang berkenaan dan juga capaian atas talian e-permit 2.
- 3.1.2 Pihak Berkuasa Veterinar hendaklah memeriksa setiap ternakan korban sebelum Sijil Kesihatan Veterinar dan Akuan Kebenaran Pindah dikeluarkan bagi memastikan ternakan yang akan disembelih sihat dan bebas daripada penyakit.

- 3.1.3 Sekiranya, ternakan tersebut akan disembelih di masjid, surau, padang awam, balai raya dan rumah persendirian, selain daripada Sijil Kesihatan Veterinar dan Akuan Kebenaran Pindah, Permit Penyembelihan Luar juga perlu dipohon oleh pihak pengurusan ternakan korban atau mana-mana individu yang akan menjalankan aktiviti korban. Permit Penyembelihan Luar boleh diperolehi dari  
Ibu pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri yang berkenaan dan Rumah Sembelih Jabatan.
- 3.1.4 Penyembelihan Luar bagi tujuan sembelihan korban hanya dibenarkan pada 10, 11, 12 dan 13 Zulhijjah sahaja.
- 3.1.5 Pihak pengurusan ternakan korban atau mana-mana individu yang akan menjalankan aktiviti korban perlu memohon Permit Penyembelihan Luar sekurang-kurangnya dua (2) hari sebelum tarikh penyembelihan korban.

#### KATA KUNCI

Ternakan bagi tujuan ibadah korban hendaklah mempunyai dokumen - dokumen;

1. Akuan Pemindahan Ternakan
2. Sijil Kesihatan Veterinar
3. Permit Penyembelihan Luar



### 3.2 Kebersihan

- 3.2.1 Penyembelihan ternakan korban yang dilakukan di Rumah Sembelih diluluskan atau berlesen adalah lebih terjamin kebersihan dan keselamatannya kerana setiap daging yang dikeluarkan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Veterinar.
- 3.2.2 Penyembelihan ternakan korban yang dilakukan di luar dan perkarangan masjid, surau, balai raya, padang awam, taman perumahan serta rumah persendirian perlu menitikberatkan aspek kebersihan dan kualiti bagi memastikan daging korban bersih dan selamat untuk dimakan.



### 3.3 Penguatkuasaan Undang-Undang

Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan berikut:

- 3.3.1 Akta Binatang 1953 (Semakan-2006) [Akta 647] dibaca bersama Akta Binatang (Pindaan) 2013 [Akta A1452];
- 3.3.2 Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009;
- 3.3.3 Undang-Undang Persekutuan yang lain;
- 3.3.4 Undang-Undang Negeri;
- 3.3.5 Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan.

## 4.0 KEBAJIKAN HAIWAN

Garis panduan ini memberi penekanan terhadap aspek-aspek kebajikan haiwan yang merangkumi :

### 4.1 Teknik-teknik mengikat dan merebah ternakan korban

- 4.1.1 Ternakan korban perlu diikat menggunakan tali yang sesuai dan direbahkan di tempat yang sesuai serta tidak menyebabkan kecederaan kepada ternakan bagi memastikan kebajikan haiwan terjamin.
- 4.1.2 Panduan mengenai teknik-teknik mengikat dan merebahkan ternakan sembelihan korban bagi menjamin kebajikan haiwan boleh berpandukan kepada gambar rajah di lampiran.
- 4.1.3 Khidmat nasihat mengenai kebajikan haiwan, teknik-teknik mengikat dan merebahkan ternakan sembelihan korban boleh diperolehi daripada Pihak Berkuasa Veterinar di negeri-negeri berkenaan.

### 4.2 Penyembelihan korban

Garis Panduan ini memberi panduan tentang penyembelihan ternakan korban mengikut syariat Islam:

- 4.2.1 Penyembelihan korban hendaklah mengikut hukum-hukum penyembelihan serta syariat yang telah ditetapkan oleh agama Islam.

- 4.2.2 Ternakan korban yang sedang menunggu untuk disembelih perlu diasingkan bagi mengelakkan ia melihat ternakan lain yang sedang disembelih bagi menjaga kebajikan haiwan mengikut pandangan Islam.
- 4.2.3 Pisau yang digunakan untuk penyembelihan hendaklah tajam dan bersih dan penyembelihan hendaklah dilakukan dengan pantas tanpa mengangkat mata pisau.
- 4.2.4 Pisau tidak boleh diasah di hadapan ternakan yang hendak disembelih bagi menjaga kebajikan haiwan.
- 4.2.5 Ternakan hendaklah dilapah ditempat yang bersih dan bersesuaian setelah ianya mati.

## **5.0 PENYEMBELIHAN TERNAKAN KORBAN**

Penyembelihan ternakan korban yang dijalankan di masjid, surau, padang awam, balai raya dan rumah persendirian perlu mempunyai kemudahan-kemudahan yang bersesuaian seperti berikut :

### **5.1 Tempat simpanan ternakan korban**

- 5.1.1 Lapang, teduh dan selamat;
- 5.1.2 Bekalan makanan dan air minuman yang bersih dan mencukupi.

### **5.2 Tapak penyembelihan ternakan korban**

- 5.2.1 Sesuai, bersih dan selamat;
- 5.2.2 Penyembelihan tidak boleh dilakukan berhampiran saluran awam.

### **5.3 Operasi penyembelihan ternakan korban**

- 5.3.1 Teknik merebah ternakan sebelum disembelih
  - 5.3.1.1 Mengambil kira kebajikan ternakan;
  - 5.3.1.2 Teknik-teknik merebah ternakan berdasarkan lampiran di dalam Garis Panduan ini;

5.3.1.3 Setelah ternakan direbahkan, pekerja perlu menekan badan lembu dengan serta-merta bagi mengelakkan lembu daripada bergerak dan terus mengikat kaki depan dan belakang.

### 5.3.2 Proses penyembelihan

5.3.2.1 Penyembelihan korban hendaklah mengikut hukum-hukum penyembelihan serta syariat yang telah ditetapkan oleh agama Islam;

5.3.2.2 Ternakan korban diletakkan dalam posisi menghadap kiblat;

5.3.2.3 Penyembelihan hendaklah dilakukan dengan menggunakan pisau yang tajam dan bersih;

5.3.2.4 Penyembelihan hendaklah dilakukan dengan pantas tanpa mengangkat mata pisau.

#### KATA KUNCI

Penyembelihan ternakan korban hendaklah menitikberatkan aspek – aspek berikut;

1. Kebajikan haiwan
2. Mengikut Syariat Islam



### 5.4 Tempat melapah

5.4.1 Ternakan yang telah disembelih, hendaklah digantung di tempat yang bersesuaian dan bersih bagi tujuan melapah;

5.4.2 Sekiranya, ternakan dilapah di atas lantai, permukaannya hendaklah dialas dengan pelapik yang sesuai dan bersih;

5.4.3 Karkas yang telah dilapah, hendaklah digantung pada tiang yang tidak karat dengan ketinggian yang bersesuaian agar karkas tidak mencecah lantai;

5.4.4 Daging hendaklah dimasukkan dalam bekas yang bersih.

## 5.5 Tempat memotong daging

- 5.5.1 Pemotongan daging hendaklah menggunakan Papan Pemotong Daging (Chopping board) dari bahan yang sesuai, bersih, selamat dan kukuh (dicadangkan diperbuat daripada plastik sekurang-kurangnya 2 inci tebal);
- 5.5.2 Proses memotong daging hendaklah dilakukan di atas meja yang di atas dengan bahan yang sesuai dan bersih.

### KATA KUNCI

Kawasan melapah dan memotong daging hendaklah dititikberatkan kebersihan dan kesesuaian tempat



## 6.0 PENGURUSAN SISA TERNAKAN KORBAN

Sisa penyembelihan ternakan korban hendaklah diuruskan dengan baik bagi mengelakkan pencemaran:

### 6.1 Sisa Pepejal

- 6.1.1 Sisa pepejal hendaklah dibungkus dan dilupuskan dengan cara yang bersesuaian dan tidak bertentangan dengan peraturan Pihak Berkuasa Tempatan.

### 6.2 Sisa Cecair

- 6.2.1 Sisa cecair seperti darah penyembelihan hendaklah ditanam atau dilupuskan dengan cara yang bersesuaian serta tidak bertentangan dengan peraturan Pihak Berkuasa Tempatan.

### KATA KUNCI

Pembuangan sisa – sisa sembelihan korban hendaklah dilupuskan mengikut peraturan pihak berkuasa tempatan



## **7.0 KESEDARAN AWAM**

Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada semua yang terlibat dalam rantaian penyembelihan ternakan korban :

### **7.1 Orang awam**

- 7.1.1 Kesedaran terhadap risiko jangkitan penyakit zoonotik (penyakit yang berjangkit dari ternakan ke manusia);
- 7.1.2 Memberi kesedaran kepada orang ramai untuk menyembelih ternakan korban mereka di rumah sembelih yang diluluskan atau berlesen bagi memastikan daging korban yang bersih dan selamat untuk dimakan. Ianya dapat dilakukan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Agensi-agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid, Surau, serta Ketua-ketua Kampung/adat;
- 7.1.3 Memberi kesedaran kepada orang awam tentang kepentingan mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan dalam setiap aktiviti penyembelihan ternakan korban tidak kira di mana ia dilakukan.

## **8.0 PEMANTAUAN OPERASI PENYEMBELIHAN KORBAN**

Operasi pemantauan aktiviti penyembelihan korban akan dilakukan oleh :

### **8.1 Pihak Berkuasa Veterinar**

- 8.1.1 Akuan Kebenaran Pindah dan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV);
- 8.1.2 Post-mortem dan Ante-mortem;
- 8.1.3 Permit Penyembelihan Luar;
- 8.1.4 Kebajikan haiwan.

## **8.2 Pihak Berkuasa Agama**

8.2.1 Tatacara Penyembelihan mengikut syariat Islam.

## **8.3 Pihak Berkuasa Tempatan**

8.3.1 Kawalan kebersihan persekitaran.

## **9.0 RUJUKAN**

### **9.1 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006)[Akta 647];**

9.1.1 Pencegahan Perebakan Penyakit – Am;

9.1.2 Pencegahan Kezaliman Terhadap Binatang;

9.1.3 Perintah Di Bawah Subseksyen 36(1) dan (2) (Kawasan Kawalan Penyakit di peringkat Negeri).

### **9.2 Kaedah-Kaedah Pemeriksaan Daging 1985;**

9.3 Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009;

9.4 Enakmen Pendaftaran Lembu-Kerbau (Peringkat Negeri).

## JAWATANKUASA GARIS PANDUAN PENYEMBELIHAN TERNAKAN KORBAN

Penasihat

**Dr. Ahmad bin Salleh**  
*Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Hiliran*

Ahli Jawatankuasa

**Dato' Mohamed Radzuan bin Malek**  
*Bahagian Penguatkuasaan*

**Dr. Zainor bin Mohd**  
*Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti*

**Dr. Falizah binti Abdullah**  
*Bahagian Pembangunan Industri Hiliran*

**Dr. Mohd Razli bin Abdul Razak**  
*Bahagian Pembangunan Industri Hiliran*

**Dr. Marzuna binti Md Yunus**  
*Bahagian Pembangunan Industri Hiliran*

**Dr. Mohd Razi bin Abdullah**  
*Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan*

**Dr. Aidi bin Mohamad**  
*Bahagian Perancangan*

**Dr. Ani binti Yardi**  
*Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor*

**Dr. Melia binti Abd. Salam**  
*Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS*

**Pn. Hjh. Munah binti Abdullah**  
*Kompleks Abatoir Senawang*

**Pn. Siti Zubaidah binti Ariffin**  
*Kompleks Abatoir Shah Alam*

**En. Ismail Fahmi bin Md. Salleh**  
*Bahagian Kesihatan Persekitaran,  
Jabatan Kerajaan Tempatan*

## Urusetia

**En. Kamaruzzaman Khan bin Nawab**

*Bahagian Kesihatan Persekitaran,  
Jabatan Kerajaan Tempatan*

**En. Ahmad Solihin bin Maryakon**

*Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan,  
Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)*

**Ust. Hamdan bin Muhamad**

*Bahagian Kemajuan Islam,  
Masjid Tuanku Mizan Putrajaya*

**Ust. Jafri bin Abdullah**

*Bahagian Hab Halal,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*

**En. Abdullah bin Muhammad**

*EP Marketing Sdn. Bhd.*

**Dr. Lokman Hakim bin Idris**

**Dr. Khairina Akmar binti Khalid**

**Dr. Norhana binti Mohamad Nadzir**

**Pn. Syarifah Fatimah binti Syed Abdullah**

**Pn. Rukhazanah binti Jaafar**



**Pn. Siti Rohayu binti Mat**



**En. Mohamad Zaki bin Mohamad Amin**



## LAMPIRAN 1

### Kekangan Kaedah Rope Squeeze





## Set Penyembelihan



Hook 5



Pisau Sembelih (12 inci)



Pisau Melapah (7 inci)



Apron

Papan Pemotong (Plastik)



Sabun  
Pencuci  
Tangan



Kanvas

Tali



ISBN 978-967-0176-08-6



9 789670 176086